

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

## Permaisuri Agong rasmi Hospital Tunku Azizah

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, semalam, berkenan merasmikan Hospital Tunku Azizah (HTA), di sini.

Keberangkatan tiba baginda menunjukkan keprihatinan terhadap perkembangan dan kemajuan dilaksanakan kerajaan, khususnya dalam bidang kesihatan.

Tunku Azizah bertitah, kewujudan hospital itu satu lagi kemudahan kepada rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan lebih baik dan sempurna.

"Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan menubuhkan hospital khas untuk wanita dan kanak-kanak," titah baginda pada majlis perasmian HTA.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah HTA, Dr Roniyuzam Abdul Malek.

Tunku Azizah menasihati ibu bapa memastikan anak mendapat rawatan kesihatan yang baik, termasuk pemberian imunisasi sejak kecil.

"Saya memang ambil berat ke-



Tunku Azizah melawat pesakit kanak-kanak di HTA, Hospital Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

sihatan anak sejak lahir hingga dewasa. Kesihatan anak penting untuk generasi akan datang.

"Terutama kalau kita pergi ke (seperti disyorkan) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), air

sangat penting, air yang bersih penting supaya anak dapat membesar dengan sihat," titah baginda.

Raja Permaisuri Agong juga menzahirkan rasa terharu dan

mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas kesudian menamakan hospital itu sempena nama baginda.

Pada majlis itu, baginda berkenan melawat dua fasiliti ter-

pilih di HTA, iaitu Pusat Transplan Sel Stem dan Pusat Perubatan Reproduksi.

HTA beroperasi secara berperingkat bermula 25 Februari tahun lalu dan sepenuhnya pada 16 Ogos tahun lalu sebagai hospital rujukan kebangsaan dan pusat kecemerlangan perkhidmatan rawatan kesihatan, khusus untuk wanita dan kanak-kanak.

HTA menawarkan perkhidmatan kepakaran bagi Obstetrik, Ginekologi dan Pediatrik.

Hospital dilengkapi 600 katil dengan 378 katil untuk pediatrik, obstetrik dan ginekologi (222 katil), Unit Penjagaan Rapi (24 katil), Unit Penjagaan Pediatrik (PICU), 32 katil.

Selain itu, 50 katil untuk penjagaan rapi neonatal, *bone marrow transplant* (16 katil) dan *paediatric burn bath* (lapan katil).

HTA juga dilengkapi tiga unit dewan bedah ginekologi, sembilan unit dewan bedah pediatrik termasuk satu unit dewan bedah hybrid neuro, dua unit bersalin, lapan unit kemoterapi bagi ginekologi dan satu pusat perubatan reproduktif.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Kes penyebaran virus

# Perketat saringan di lapangan terbang

Menteri Kesihatan buat tinjauan kenal pasti langkah pencegahan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad akan melakukan tinjauan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi mengenal pasti langkah pencegahan yang boleh dipertingkatkan, khususnya membabitkan kes penyebaran virus dari negara luar.

Ini berikutan penyebaran wabak radang paru-paru (pneumonia) di Wuhan, China, dengan jangkaan kehadiran pelancong China ke negara ini meningkat tahun ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Ditemui media selepas majlis perasmian Hospital Tunku Azizah di sini, semalam, beliau berkata, langkah memperketat sari-

ngan di pintu masuk negara menjadi keutamaan pihaknya.

"Kita akan pertingkatkan langkah pencegahan terutama di pintu masuk. Kita akan menetapkan langkah ini dan akan keluaran kenyataan (makluman kepada semua)," katanya.

Ditanya sama ada perlu bagi kerajaan menetapkan peraturan untuk mewajibkan pelancong dari negara berisiko mengambil vaksin, Dr Dzulkefly berkata, belum ada ketetapan mengenainya.

Sebelum ini, media melaporkan satu virus baharu daripada kumpulan virus sama yang mencetuskan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), dikesan tersebar di luar sempadan China buat kali pertama dengan satu kes muncul di Thailand, minggu lalu.

Laporan memetik doktor Thailand yang mengesan seorang pelancong China dengan pneumonia ringan, sebelum disahkan berpunca daripada coronavirus baharu yang dikesan di China.

Mengenai kes influenza, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya memerlukan sedikit masa untuk semua agensi berkaitan, termasuk Kementerian Pendidikan mengumpul fakta bilangan sebenar

mereka yang menghidapinya.

Katanya, jangkitan virus influenza yang meningkat ketika ini boleh dirawat menerusi pengambilan vaksin dan ia tiada kaitan dengan penyebaran virus yang berlaku di Wuhan.

Di Ipoh, Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (SEMESTI) di Bagan Datuk yang ditutup sejak 13 Januari lalu susulan lapan pelajaranya disahkan positif H1N1, dibuka semula semalam.

Pengarah Pendidikan Perak, Dr Suhaimi Mohamed Ali, berkata setakat jam 10.40 pagi semalam, 60 sekolah membabitkan 103 pelajar di negeri ini direkodkan dijangkiti wabak itu.

Di Shah Alam, jumlah pelajar dijangkiti virus influenza A dan H1N1 di Selangor kini mencecah 863 orang berbanding 717 pelajar yang dilaporkan Jumaat lalu.

Pengarah Pendidikan Selangor, Dr Mahanom Mat Sam, berkata setakat 9 pagi semalam, Petaling Perdana kekal mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu membabitkan 231 pelajar dari 71 sekolah, manakala Klang membabitkan 154 kes dari 55 sekolah.

"Ia diikuti Petaling Utama dengan 113 kes dari 34 sekolah; Se-



Setakat jam 10.40 pagi semalam, 60 sekolah membabitkan 103 pelajar di negeri ini direkodkan dijangkiti wabak itu.

Suhaimi Mohamed Ali,  
Pengarah Pendidikan Perak



Setakat ini 65 pesakit membabitkan pelajar dan guru di 39 sekolah rendah dan menengah disahkan dijangkiti influenza.

Salmee Said,  
Exco Pendidikan Kedah

pang dengan 102 kes dari 21 sekolah; Gombak dengan 88 kes dari 33 sekolah dan Hulu Langat pula merekodkan 85 kes dari 36 sekolah.

"Daerah Kuala Langat pula kekal dengan rekod 27 kes dari 11 sekolah; Hulu Selangor (20 kes, tujuh sekolah), Sabak Bernam (sembilan kes, empat sekolah) dan Kuala Selangor (lapan kes, enam sekolah)," katanya.

Di Georgetown, dua kelas di Pulau Pinang ditutup selepas beberapa murid dijangkiti influenza, membabitkan sebuah kelas Tahun 2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kai Chee di Sungai

Dua, Butterworth yang ditutup bermula semalam hingga Ahad.

Pengarah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad, berkata empat murid dalam kelas dijangkiti influenza.

Di Alor Setar, jumlah guru dan pelajar dijangkiti influenza di negeri ini semakin meningkat, membabitkan 39 sekolah sehingga semalam.

Exco Pendidikan negeri, Dr Salmee Said, berkata setakat ini 65 pesakit membabitkan pelajar dan guru di 39 sekolah rendah dan menengah disahkan dijangkiti influenza.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL



\*TUNKU Azizah bersama pesakit kanak-kanak yang menerima rawatan di HTA, semalam.

# Raja Permaisuri **terharu**

*Nama diabadikan pada Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur*

Oleh Yusmizal  
Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli merasmikan Hospital Tunku Azizah (HTA), semalam.

Baginda menzahirkan rasa terharu atas inisiatif kerajaan menamakan nama hospital berkenaan yang sebelum ini dikenali sebagai Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur dengan nama baginda.

Titah baginda, golongan ibu agar menggunakan kemudahan yang dibangunkan kerajaan Malaysia dan



*Jangan ada anak sudah demam seminggu, baru nak hantar ke hospital kerana sekarang banyak penyakit baru*

**Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah**

kesihatan anak perlu dititikberatkan sejak lahir terutama dalam mendapatkan imunisasi yang dituntut kerajaan.

"Saya ambil lebih berat tentang lahirnya anak saya hingga masuk ke sekolah. Saya tentukan mereka menerima imunisasi sebagai-

mana dituntut oleh kerajaan dari hari lahir hingga mereka masuk sekolah dan hingga ke universiti.

"Saya nak menasihatkan kepada ibu-ibu, anak adalah anugerah Allah SWT, jadi tugas ibu membesarkan anak kita dengan sihat.

"Jadi saya harap fasiliti seperti di hospital ini, kita gunakan sepenuhnya. Jangan ada anak sudah demam seminggu, baru nak hantar ke hospital kerana sekarang banyak penyakit baru," titah baginda dalam ucapan perasmian.

Hadir sama, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Terdahulu, Tunku Azizah turut melawat Pusat Transplan Sel Stem dan Pu-

sat Perubatan Reproduksi di hospital itu.

HTA yang mula beroperasi pada sepenuhnya pada 16 Ogos tahun lalu dilengkapi 600 buah katil dengan 378 katil bagi Wad Pediatrik, Wad Obstetrik dan Ginekologi (222 katil), Unit Penjagaan Rapi Dewasa (24 katil), Unit Penjagaan Pediatrik (32 katil), Penjagaan Rapi Neonatal (50 katil), Bone Marrow Transplant (16 katil) dan 8 katil bagi Pediatric Burn Bath.

Selain itu, ia itu turut dilengkapi tiga dewan bedah ginekologi, sembilan dewan bedah pediatrik termasuk sebuah dewan bedah Hybrid Neuro, dua dewan bedah bersalin, lapân suit kemoterapi bagi Ginekologi dan sebuah Pusat Perubatan Reproduksi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : WAJAH-WAJAH

# LARIAN ANTIBIOTIK MERIAH

FOTO: ROSHAN WAHID



1. SEBAHAGIAN peserta khas yang mengambil bahagian dalam Larian Antibiotik 2020 di Goat2Go Farm, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

2. MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Zulkifly Ahmad (tiga kanan) mengibarkan bendera dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub (dua kanan) membunyikan 'horn' ketika melepaskan peserta Larian Antibiotik 2020 di Goat2Go Farm, MAEPS.

3. SEBAHAGIAN peserta khas yang membawa anak kecil ketika menyertai Larian Antibiotik 2020.

4. PESERTA melakukan senam robik sebelum memulakan larian.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

# Ibu perlu peka kesihatan anak

Permaisuri Agong menasihatkan golongan ibu supaya jangan pandang ringan sakit yang dihadapi anak

## KUALA LUMPUR


Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menasihatkan golongan ibu agar menjaga kesihatan anak ketika penularan pelbagai penyakit ketika ini.

Tunku Azizah bertitah, setiap ibu perlu peka dengan tahap kesihatan anak dan tidak memandang ringan sakit demam yang dihadapi anak mereka.

"Kepada ibu, saya menasihatkan bahawa anak adalah anugerah ALLAH SWT dan itu adalah tugas kita sebagai ibu untuk membesarkan anak kita dengan sihat.

"Jangan tunggu anak dah demam seminggu dua baru nak bawa ke hospital kerana sekarang ini macam-macam jenis penyakit. Ada Kawasaki (sejenis penyakit luar biasa yang disifatkan oleh peradangan salur darah di seluruh badan akibat jangkitan virus atau bakteria) saya dengar, ada Chikungunya," titah Tunku Azizah.

Raja Permaisuri Agong bertitah demikian pada majlis perasmian Hospital Tunku Azizah (HTA) yang dahulunya dikenali sebagai Hospital Wanita dan



Tunku Azizah (kiri) melawat pesakit pasangan kembar, Azama dan Azami Kamarun Zaman yang sedang menerima rawatan di HTA, Kuala Lumpur semalam.

Kanak-Kanak Kuala Lumpur.

Pada majlis itu, Seri Paduka diiringi Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Jihan Azizah 'At-hiyatullah.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah HTA Dr Roniyuzam Abdul Malek.

Berkongsi pengalaman, Seri Paduka sentiasa mengambil berat kesihatan semua anakanda Seri Paduka dari lahir sehingga mereka dewasa.

"Saya pastikan mereka (anakanda) menerima imunisasi sebagaimana yang dituntut oleh kerajaan dari lahir sehingga mereka masuk ke sekolah dan universiti kerana kesihatan anak adalah penting untuk generasi akan datang," titah Raja Permaisuri Agong.

Tunku Azizah turut menzahirkan ucapan tahniah kepada kerajaan yang telah menubuhkan sebuah hospital khas untuk wanita dan kanak-kanak serta merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah menamakan HTA sempena nama Seri Paduka.

HTA adalah hospital kerajaan pertama yang dibangunkan menggunakan kaedah pembiayaan inisiatif swasta dengan kerjasama sektor swasta iaitu UEM Group Berhad dan Najcom Sdn Bhd.

Mula beroperasi secara berperingkat pada 25 Februari 2019, HTA adalah Hospital Rujukan Kebangsaan dan Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Perawatan Kesihatan khusus kepakaran untuk wanita dan kanak-kanak (obsterik dan ginekologi serta pediatrik). - Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Women and kids centre renamed Tunku Azizah Hospital

**KUALA LUMPUR:** Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur has been renamed Tunku Azizah Hospital.

Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah said she felt honoured that the newly opened hospital had been named after her.

"I am deeply touched and humbled," she said yesterday when opening the hospital, which has a built-up area of 175,600sq m, in the heart of the city.

The Raja Permaisuri Agong also graced the hospital's Stem Cell Transplant Centre and Reproductive Medical Centre.

Tunku Azizah advised mothers to look after the health of their children.

"If a child is ill, don't wait one or two weeks before seeking treatment.

"As a person who has faced difficulty conceiving, I ensure that my children are immunised from birth to school-going years.

"Ensuring the health of the children is important for our future generations.

"Clean water is important for a healthy

pregnancy," she added.

Tunku Azizah Hospital serves as a national referral hospital and centre of excellence, offering specialised services in obstetrics, gynaecology and paediatric.

Built on a 340ha plot of land in Kampung Baru here, the 11-floor hospital has been operational since August last year.

It is the first government hospital built under a private finance initiative in collaboration with UEM Group Bhd and Najcom Sdn Bhd.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said Tunku Azizah Hospital was among the new spacious hospitals built with modern facilities to offer comfort and better services.

"The importance of women and children in society is something that cannot be disputed.

"Women and children deserve the best care because they are the backbone of the nation," he said.

Also present was hospital director Dr Roniyuzam Abdul Malek.



All for the children: Tunku Azizah visiting young patients at Tunku Azizah Hospital. — Bernama